

Kesediaan Pembelajaran Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (*Self-Learning Readiness Among Students Department of Electrical Engineering*)

Norzalinawati Zaini^{1*}

¹ Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, Malaysia

* Pengarang Koresponden: norzalinawati@polisas.edu.my

Received: 14 December 2024 | Accepted: 29 March 2025 | Published: 30 April 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2025.7.2.39>

Abstrak: Era globalisasi meletakkan Malaysia dengan pelbagai cabaran. Justeru itu, Malaysia perlu meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia untuk menjadi sebuah negara membangun sepenuhnya. Pembelajaran kendiri adalah aspek penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan dalam konteks globalisasi. Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pembelajaran kendiri dan mengenalpasti hubungan tahap kesediaan pembelajaran kendiri terhadap keputusan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) di kalangan pelajar semester dua di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik Guglielmino's Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS). Soal selidik diedarkan menggunakan Google Form. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian "Statistical Package for the Social Science" (SPSS). Responden adalah terdiri daripada 38 orang pelajar semester dua Sesi 2 2023/2024. Responden adalah daripada pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE) dan Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK). Hasil dapatan kajian mendapati skor min tahap kesediaan pembelajaran kendiri di kalangan pelajar dari aspek pengurusan kendiri, keinginan untuk belajar dan kawalan kendiri adalah pada tahap yang tinggi. Di samping itu, hasil analisa mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara tahap kesediaan pembelajaran kendiri aspek pengurusan kendiri dan juga keinginan belajar dengan HPNM. Namun, tahap kesediaan pembelajaran kendiri aspek kawalan kendiri tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan HPNM. Walaupun tahap kesediaan pembelajaran kendiri adalah tinggi, namun boleh mempengaruhi keputusan HPNM di mana semakin tinggi tahap kesediaan pembelajaran kendiri, semakin tinggi nilai HPNM yang diperolehi. Justeru, pensyarah perlulah memainkan peranan untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar yang mempunyai HPNM yang rendah.

Kata kunci: Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS), Pembelajaran Kendiri

Abstract: The era of globalization presents Malaysia with various challenges. Therefore, Malaysia needs to improve the quality of world-class education to become a fully developed country. Self-learning is an important aspect in improving the quality of education in the context of globalization. This study was carried out with the aim of identifying the level of readiness for self-learning and identifying the relationship between the level of readiness for self-learning and the results of the Grade Point Average (HPNM) among second semester

students at the Department of Electrical Engineering, Sultan Haji Ahmad Shah Polytechnic. This study is a survey that uses Guglielmino's Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS) questionnaire. The questionnaire was distributed using Google Form. The results of this study were analyzed using the "Statistical Package for the Social Science" (SPSS) software. The respondents consisted of 38 students in the second semester of Session 2 2023/2024. The respondents are students of the Diploma in Electrical and Electronics Engineering (DEE) and Computer Electronics Engineering (DTK) programs. The results of the study found that the mean score of self-learning readiness level among students from the aspect of self-management, desire to learn and self-control is at a high level. In addition, the results of the analysis found that there is a significant positive relationship between the level of readiness for self-learning aspects of self-management and also the desire to learn with HPNM. However, the level of readiness for self-learning aspects of self-control does not have a significant relationship with HPNM. Although the level of readiness for self-learning is high, it can influence the results of HPNM where the higher the level of readiness for self-learning, the higher the value of HPNM obtained. Therefore, lecturers need to play a role in improving self-learning skills among students who have low HPNM.

Keywords: Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS), Self-Learning

1. Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015–2025) telah menetapkan sepuluh matlamat dan antaranya adalah melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, graduan TVET yang berkualiti serta ekosistem inovasi. Graduan holistik merujuk kepada individu yang tidak hanya memiliki pengetahuan dalam bidang akademik tertentu tetapi juga mempunyai pembangunan menyeluruh dalam aspek-aspek lain seperti kemahiran interpersonal, kebolehan komunikasi, etika kerja, kepimpinan, dan kesedaran sosial. Ini bermaksud mereka tidak hanya dilatih dalam aspek teknikal atau profesional sahaja, tetapi juga mempunyai keupayaan untuk berfikir kritis, bekerjasama dalam kumpulan, menyelesaikan masalah, dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat.

Sejajar dengan Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education – OBE) yang telah mula diperkenalkan di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sejak tahun 2010, sistem pembelajaran secara tradisional diubah menjadi suatu sistem pembelajaran yang aktif bagi merangsang pemikiran pelajar ke arah berdaya saing, inovatif, kreatif dan sebagainya.

Sistem pembelajaran aktif dan pembelajaran sendiri adalah dua pendekatan pembelajaran yang berfokus pada peranan aktif pelajar dalam proses pembelajaran. Walaupun keduanya memiliki beberapa persamaan, mereka mempunyai perbezaan yang penting dalam bagaimana pembelajaran diurus dan dijalankan.

Dalam sistem pembelajaran aktif, peranan guru adalah sebagai fasilitator atau penggerak pembelajaran, bukan sekadar pemberi maklumat. Pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran seperti perbincangan berpasangan, kerja kumpulan, projek, eksperimen, dan permainan peranan. Tujuannya adalah untuk merangsang pemikiran kritis, kreativiti, dan pemecahan masalah pelajar, serta mendorong interaksi sosial dan kolaborasi antara pelajar. Contoh strategi pembelajaran aktif termasuk pembelajaran berpusatkan masalah, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kooperatif, dan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Pembelajaran sendiri pula merupakan pendekatan yang membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara berdikari. Seterusnya bersikap autonomi dan proaktif dalam proses pembelajaran (Arshad, M., & Abu Bakar, K., 2015). Pembelajaran sendiri menekankan peranan pelajar sebagai pengurus dan pemimpin pembelajaran mereka sendiri. Pelajar bertanggungjawab untuk mengurus proses pembelajaran mereka sendiri, termasuk pemilihan bahan bacaan, merancang jadual pembelajaran, menetapkan matlamat pembelajaran, dan menilai kemajuan mereka sendiri. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kemandirian, kreativiti, inisiatif, dan kesedaran diri pelajar dalam pembelajaran mereka. Contoh strategi pembelajaran sendiri termasuk penugasan berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran jarak jauh, dan penggunaan sumber pembelajaran digital.

Walaupun pembelajaran aktif dan pembelajaran sendiri dapat diaplikasikan secara berasingan, mereka juga sering kali diintegrasikan dalam pendekatan pembelajaran yang holistik. Gabungan kedua-duanya memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil peranan aktif dalam pembelajaran mereka sambil juga mengembangkan kemandirian dan kemahiran pemikiran kritis yang diperlukan untuk kejayaan dalam kehidupan dan kerjaya mereka.

1.1 Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- i. Mengenalpasti tahap kesediaan Pembelajaran Kendiri pelajar Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dalam mengamalkan pembelajaran sendiri dari aspek Pengurusan Kendiri, Keinginan untuk Belajar dan Kawalan Kendiri.
- ii. Mengenalpasti hubungan tahap kesediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Pengurusan Kendiri, Keinginan untuk Belajar dan Kawalan Kendiri terhadap keputusan peperiksaan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM).

2. Kajian Literatur

Pembelajaran sendiri memerlukan inisiatif dan disiplin dari pelajar untuk mencari, menganalisis, dan menggunakan maklumat secara berkesan tanpa bergantung sepenuhnya kepada pengajaran formal. Dalam era digital ini, kemahiran pembelajaran sendiri semakin penting bagi pelajar untuk terus berdaya saing dan beradaptasi dengan perubahan.

Pada tahun 1977, Guglielmino telah menghasilkan Guglielmino's Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS) di mana beliau menyatakan kesediaan pembelajaran arahan sendiri sebagai kebijaksanaan pelajar mengetahui potensi dan kemampuan diri dalam pembelajaran. Pelajar turut harus memiliki kemampuan mengenal keupayaan diri dan boleh menilai pembelajaran sendiri. Walaupun pembelajaran sendiri telah lama diiktiraf sebagai pendekatan yang boleh membantu pelajar, namun pengalaman pelajar dalam kemahiran pembelajaran arahan sendiri secara berterusan di semua institusi pendidikan masih belum diterokai (Mohamad Nasri et al., 2020).

Terdapat banyak kajian yang mengguna pakai SDLRS yang dihasilkan oleh Guglielmino. Berdasarkan dapatan Azrul Hassan, Arihasnida Ariffin, Muhammad Fazrulhelmi Ahmad, Norhasyimah Hamzah, Siti Nur Kamariah Rubani, Normah Zakaria (2020), tahap kesediaan pembelajaran sendiri pelajar tahun akhir Fakulti pendidikan Kejuruteraan dan Vokasional dari aspek pengurusan sendiri, keinginan untuk belajar dan kawalan sendiri adalah pada tahap yang sederhana. Manakala, berdasarkan kajian Iesha Rina Bawang Anak Unding dan Faridah Mydin Kutty (2023), secara keseluruhannya, dapatan kajian mempamerkan bahawa kesediaan pembelajaran terarah sendiri (PTK) pelajar adalah pada tahap yang tinggi.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memahami sejauh mana pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah telah bersedia dan berusaha untuk melaksanakan pembelajaran sendiri. Kajian ini akan mengukur tahap kesediaan pembelajaran sendiri pelajar daripada tiga aspek iaitu pengurusan sendiri, keinginan untuk belajar dan kawalan sendiri.

3. Metodologi

Kajian kuantitatif dalam bentuk deskriptif ini menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah menggunakan *Google Form*. Responden kajian ini terdiri daripada 38 orang pelajar semester dua Sesi 2 2023/2024 daripada program Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE) dan program Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK). Soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A (Demografi) dan Bahagian B (*Guglielmino's Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS)*) yang dipecahkan kepada 3 bahagian.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan


Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Science*” (SPSS) bagi tujuan memenuhi kehendak objektif kajian yang dibuat. Tahap skor min ditentukan sepertimana di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skala Min

Nilai Min	Interpretasi Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

4.1 Data Demografi

Data demografi terbahagi kepada dua iaitu jantina dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM). Hasil analisis mendapati bahawa 79% (30 orang) responden terdiri daripada pelajar lelaki, 21% (8 orang) responden adalah pelajar perempuan. Manakala, hasil analisis HPNM mendapati bahawa seramai 3 orang pelajar mempunyai HPNM 2.01-2.50, 13 orang pelajar mempunyai HPNM 2.51-3.00, 13 orang pelajar mempunyai HPNM 3.01-3.50 dan 9 orang pelajar mempunyai HPNM 3.51-4.00. Rajah 1 menunjukkan HPNM berdasarkan bilangan responden.



Rajah 1: Carta Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) Responden

4.2 Data Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Pengurusan Kendiri

Jadual 2 menunjukkan analisa tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Pengurusan Kendiri. Hasil analisa data mendapati bahawa secara puratanya min skor adalah pada tahap tinggi. Namun terdapat item pada tahap sederhana iaitu item 9 dan 10. Item 8 iaitu “Saya menjalankan tugas mengikut keutamaan saya” mempunyai min paling tinggi iaitu 4.24, manakala item 10 iaitu “Saya lebih suka belajar sendiri” mempunyai min paling rendah iaitu 3.18.

Jadual 2: Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Pengurusan Kendiri

No.	Pernyataan	Min	Peringkat
1	Saya seorang yang berdisiplin	3.76	Tinggi
2	Saya seorang yang sangat teratur	3.79	Tinggi
3	Saya mempunyai jadual pembelajaran yang padat	3.71	Tinggi
4	Saya mempunyai kemahiran pengurusan diri yang baik	3.87	Tinggi
5	Saya seorang yang sistematik	3.71	Tinggi
6	Saya akan tetapkan masa tertentu untuk belajar	3.68	Tinggi
7	Saya dapat menyelesaikan masalah yang saya rancang	3.87	Tinggi
8	Saya menjalankan tugas mengikut keutamaan saya	4.24	Tinggi
9	Saya yakin saya boleh terus belajar sendiri	3.29	Sederhana
10	Saya lebih suka belajar sendiri	3.18	Sederhana
11	Saya yakin dengan keupayaan saya untuk mendapatkan maklumat yang saya inginkan	3.76	Tinggi
12	Saya boleh menguruskan masa saya dengan baik	3.68	Tinggi
Purata		3.71	Tinggi

4.3 Data Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Keinginan untuk Belajar

Jadual 3 menunjukkan analisa tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Keinginan untuk Belajar. Hasil analisa data mendapati bahawa secara puratanya min skor adalah pada tahap tinggi. Sungguhpun begitu, terdapat dua item pada tahap sederhana iaitu item 4 dan 5. Item 1 dan 10 mempunyai min paling tinggi iaitu 4.29. Item 1 iaitu “Saya mahu belajar sesuatu yang baru” dan item 10 “Saya perlu tahu mengapa sesuatu berlaku”. Manakala Item 4 iaitu “Saya suka belajar sendiri” mempunyai min paling rendah iaitu 3.39.

Jadual 3: Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Keinginan untuk Belajar

No.	Pernyataan	Min	Peringkat
1	Saya mahu belajar sesuatu yang baru	4.29	Tinggi
2	Saya rasa sangat penting untuk terus belajar	4.21	Tinggi
3	Saya sangat sukakan cabaran belajar	3.76	Tinggi
4	Saya suka belajar sendiri	3.39	Sederhana
5	Saya sangat kritis menilai idea baharu	3.63	Sederhana
6	Saya suka mendapatkan maklumat yang sah sebelum membuat keputusan	4.24	Tinggi
7	Saya suka menilai sesuatu yang saya lakukan	4.08	Tinggi
8	Saya sangat terbuka kepada idea baharu	4.21	Tinggi
9	Saya belajar melalui kesilapan lalu	4.21	Tinggi
10	Saya perlu tahu mengapa sesuatu berlaku	4.29	Tinggi
Purata		4.03	Tinggi

4.4 Data Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Kawalan Kendiri

Jadual 4 menunjukkan analisa tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Kawalan Kendiri. Hasil analisa data mendapati bahawa secara puratanya min skor adalah pada tahap tinggi. Item 1 dan 3 pula berada pada tahap sederhana. Item 2 dan 11 mempunyai min paling tinggi iaitu 4.05. Item 2 iaitu “Saya sangat bertanggungjawab untuk setiap keputusan yang saya buat” dan item 11 iaitu “Saya sentiasa berhati-hati dengan kelemahan saya sendiri”. Manakala item 3 iaitu “Hidup saya sentiasa dikawal oleh rancangan yang ditetapkan” mempunyai min paling rendah iaitu 3.39.

Jadual 4: Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Kawalan Kendiri

No.	Pernyataan		Peringkat
1	Saya lebih suka membuat keputusan sendiri	3.55	Sederhana
2	Saya sangat bertanggungjawab untuk setiap keputusan yang saya buat	4.05	Tinggi
3	Hidup saya sentiasa dikawal oleh rancangan yang ditetapkan	3.39	Sederhana
4	Saya mempunyai tahap personaliti yang sangat baik	3.68	Tinggi
5	Saya lebih suka menetapkan matlamat pembelajaran saya sendiri	3.79	Tinggi
6	Saya sendiri menilai pencapaian saya	3.87	Tinggi
7	Saya seorang yang logik	4.03	Tinggi
8	Saya seorang yang sangat bertanggungjawab	4.03	Tinggi
9	Saya mempunyai harapan yang tinggi	4.13	Tinggi
10	Saya mempunyai keupayaan untuk memberi perhatian kepada sebarang masalah yang saya hadapi	3.95	Tinggi
11	Saya sentiasa berhati-hati dengan kelemahan saya sendiri	4.05	Tinggi
12	Saya boleh mendapatkan maklumat yang saya perlukan sendiri	3.84	Tinggi
13	Saya sangat percaya pada kebolehan saya sendiri	4.03	Tinggi
14	Saya lebih suka menentukan kriteria yang perlu dipatuhi dalam menilai prestasi saya sendiri	3.84	Tinggi
Purata		3.87	Tinggi

4.5 Analisa Hubungan Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri dengan HPNM

Analisa hubungan antara Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri dari ketiga-tiga aspek dengan HPNM diperolehi dari analisa menggunakan korelasi SPSS.

4.5.1 Hubungan Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Pengurusan Kendiri dengan HPNM

Berdasarkan Jadual 5, hasil analisa mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Pengurusan Kendiri dengan HPNM. Ini membuktikan bahawa tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Pengurusan Kendiri mempunyai pengaruh yang signifikan di dalam mengawal HPNM.

Jadual 5: Hubungan di antara Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Pengurusan Kendiri dengan HPNM
Correlations

		POINTER	PENGURUSANKENDIRI
POINTER	Pearson Correlation	1	.356*
	Sig. (2-tailed)		.028
	N	38	38
PENGURUSANKENDIRI	Pearson Correlation	.356*	1
	Sig. (2-tailed)	.028	
	N	38	38

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

4.5.2 Hubungan Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Keinginan Belajar dengan HPNM

Berdasarkan Jadual 6, hasil analisa mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Keinginan Belajar dengan HPNM. Ini membuktikan bahawa tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Keinginan Belajar mempunyai pengaruh yang signifikan di dalam mengawal HPNM.

Jadual 6: Hubungan di antara Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Keinginan Belajar dengan HPNM
Correlations

		POINTER	KEINGINANBELAJAR
POINTER	Pearson Correlation	1	.357*
	Sig. (2-tailed)		.028
	N	38	38
KEINGINANBELAJAR	Pearson Correlation	.357*	1
	Sig. (2-tailed)	.028	
	N	38	38

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

4.5.3 Hubungan Tahap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Kawalan Kendiri dengan HPNM

Berdasarkan Jadual 7, hasil analisa mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Kawalan Kendiri dengan HPNM. Ini membuktikan bahawa tahap kesiediaan pembelajaran sendiri pelajar dari aspek Kawalan Kendiri tidak mempunyai pengaruh yang signifikan di dalam mengawal HPNM.

Jadual 7: Hubungan di antara Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Aspek Kawalan Kendiri dengan HPNM
Correlations

		POINTER	KAWALANKENDIRI
POINTER	Pearson Correlation	1	.286
	Sig. (2-tailed)		.082
	N	38	38
KAWALANKENDIRI	Pearson Correlation	.286	1
	Sig. (2-tailed)	.082	
	N	38	38

5. Kesimpulan

Hasil dapatan kajian mendapati skor min tahap kesediaan pembelajaran sendiri di kalangan pelajar dari aspek pengurusan sendiri, keinginan untuk belajar dan kawalan sendiri adalah pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan bahawa pelajar dapat mengawal kekuatan, kelemahan, dan keutamaan mereka dalam pembelajaran sendiri (Iesha Rina Bawang Anak Unding dan Faridah Mydin Kutty, 2023).

Di samping itu, hasil analisa mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara tahap kesediaan pembelajaran sendiri aspek pengurusan sendiri dan juga keinginan belajar dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM). Namun, hasil analisa mendapati tahap kesediaan pembelajaran sendiri aspek kawalan sendiri tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan HPNM. Sungguh pun begitu, boleh disimpulkan bahawa tahap kesediaan pembelajaran sendiri boleh mempengaruhi keputusan HPNM di mana semakin tinggi tahap kesediaan pembelajaran sendiri, semakin tinggi nilai HPNM yang diperolehi.

Maka dengan ini, pensyarah perlulah memainkan peranan untuk menciptakan suasana pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menguruskan pembelajaran mereka sendiri serta mengembangkan dan meningkatkan kemahiran pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar yang mempunyai HPNM yang rendah.

Rujukan

- Arshad, M., & Abu Bakar, K. (2015). Penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 7(1), 1–17.
- Ariffin, A., Wan Hassan, W.A.S.*, Ahmad, F., Hamzah, N., Rubani, S.N.K., Zakaria, N. (2020). Students' self-directed learning readiness towards using the "SolveMe" Web in Technical and Vocational Education. *Advanced Trends in Computer Science and Engineering*, 9(3), 3763 – 3768
- Guglielmino, L. M. (1977). Development of the Self-directed Learning Readiness Scale. (Doctoral dissertation, University of Georgia).
- Iesha Rina Bawang Anak Unding dan Faridah Mydin Kutty (2023). Hubungan antara Strategi Pengajaran Guru dan Autonomi Pelajar Terhadap Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri (The Relationship between Teacher's Teaching Strategies and Students' Autonomy Towards Self-directed Learning). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2).
- Khairul Azhar Mat Daud, Nik Zulkarnaen Khidzir, Hasyamuddin Othman (2015). Instrumen Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Mohamad Nasri, N., Halim, L., & Abd Talib, M. A. (2020). Self-directed learning curriculum: Students' perspectives of university learning experiences. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 227-251.
- Nur Zakiah Hani Kamarolzaman, Muhammad Khairi Aziz, Suraya Hani Kamarolzaman (2018). Kesediaan Pembelajaran Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Port Dickson
<https://www.researchgate.net/publication/339362592>